

Oleh Shamsul Munir Safini  
dan Zuliatty Zulkiffli  
am@hmetro.com.my  
**Changlun**

**L**ebih 50 keluarga membabitkan 100 penduduk di tiga kampung bersiap sedia menghadapi kemungkinan banjir berikutan beberapa sungai di kawasan itu mula dinaiki air sejak pagi, semalam.

Antara kampung terjejas ialah Kampung Belukar, Kampung Sungai Petani, Kampung Changkat Setoi dekat sini.

Air sungai dipercayai melimpah di atas jalan raya dan kawasan halaman rumah penduduk sejak jam 7 pagi semalam berikutan hujan lebat sejak malam kelmarin.

Bagaimanapun, tiga kampung terbabit hanya dilanda banjir kilat dan air mulai surut sekitar jam 6 petang semalam. Tinjauan di Batu 15 Lebuhraya Changlun-Sintok terpaksa ditutup lebih dua jam selepas air di Sungai Changlun melimpah ke jalan raya menuju ke Universiti Utara Malaysia (UUM), Sintok, dekat sini.

Pegawai Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM) Kubang Pasu Kamarulzaman Kasa berkata, setakat ini ti-



FOTO: AMRAN HAMID

**TENGKUJUH BERTANDANG**

# Air kali masuk rumah

■ 100 penduduk di tiga kampung siap sedia berpindah

ada mangsa dipindahkan dan mereka turut melakukan pemantauan di semua kawasan yang dinaiki air.

Beliau berkata, beberapa jalan raya di kawasan itu turut ditenggelami air termasuk parit dan longkang akibat hujan.

"Kita turut melakukan tinjauan di beberapa sungai berhampiran dan mendapati

paras air dalam keadaan berjaga-jaga.

"Bagaimanapun, kita menjangkakan air sungai akan naik sekiranya hujan lebat berterusan dalam tempoh beberapa hari ini, namun setakat ini ianya masih terkawal," katanya di sini, semalam.

Sementara itu, Penolong Pengarah Operasi Jabatan

Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Kedah Nazri Zakaria berkata, pihaknya sentiasa melakukan persediaan untuk menghadapi banjir dan akan menjalankan operasi bergantung pada arahan yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Kedah serta Jabatan Meteorologi.

Beliau berkata, setakat ini

kawasan Changlun hanya mengalami banjir kilat.

"Sekiranya JPS memaklumkan air sungai berada pada paras bahaya, kita akan mengarahkan semua anggota supaya bersiap sedia menjalankan operasi memindahkan penduduk dan sebagainya. Setakat ini ianya tidak membimbangkan dan tiada maklumat diterima dari pi-

“ Kita jangkakan air sungai akan naik sekiranya hujan lebat berterusan dalam tempoh beberapa hari ini”

**Kamarulzaman Kasa**

hak berkenaan,” katanya.

Sementara itu, seorang penduduk kampung, Rohani Ismail, 50, berkata dia terkejut melihat air sungai memenuhi halaman rumahnya pagi semalam tetapi mujur tidak masuk ke dalam rumah.

Katanya, mereka sekeluarga turut mengalihkan perabot dan perkakas elektrik sebagai persediaan kerana bimbang berlakunya banjir disebabkan rumah mereka berhampiran dengan sungai.

Seorang pengguna jalan raya yang dikenali sebagai Amar, 20, berkata pengguna terpaksa menggunakan jalan alternatif yang terletak bersebelahan jalan yang ditenggelami air.

"Hanya jalan menuju ke UUM ditenggelami air namun jalan bersebelahan tidak ditenggelami air, namun menjelang jam 9 pagi tadi (semalam) air mulai surut," katanya.